

12 NOV 2001

DR MAHATHIR HADIRI PERHIMPUNAN PARA ILMUAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri satu perhimpunan melibatkan kira-kira 1,000 orang dari kalangan intelektual, ulama dan pemimpin agama dari seluruh negara di sini, malam ini.

Acara yang menjadi sebahagian daripada Program Ijtimak Ahlul Zikri 2001 itu ialah bagi melihat secara lebih dekat tindakan dan pendekatan bagi menyokong pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam.

Ucapan Dr Mahathir pada majlis itu dibuat secara tertutup.

Program tiga hari itu dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas di Kementerian Penerangan Malaysia, Biro Hal Ehwal Islam Umno dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Antara objektifnya ialah merapatkan hubungan antara ulama dan pemimpin kerajaan dan membina rangkaian cendekiawan dan ulama yang mampu memperjelaskan kepada rakyat berhubung dasar, peranan dan tindakan kerajaan dalam isu-isu agama.

Program itu juga diharap dapat membetulkan kekeliruan melibatkan para cerdik pandai agama, golongan profesional dan kerajaan berhubung isu-isu agama dan semasa yang mempengaruhi fikiran rakyat.

Beberapa kertas kerja mengenai negara Islam turut dibentangkan sepanjang program berkenaan.

-- BERNAMA

MAM MAM ZB